

**PENERANGAN INFOGRAFIK RINGKASAN KESELURUHAN  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA (LKAN) MENGENAI  
PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AGENSI  
NEGERI PAHANG TAHUN 2021**

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi buku LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2021. LKAN ini mengandungi laporan berkaitan Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021, Analisis Kewangan Kerajaan Negeri serta Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri. Perincian bagi setiap bahagian adalah seperti berikut:

**1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021**

- a. Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2021 Tanpa Teguran telah ditandatangani pada 22 Ogos 2022.
- b. Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Pahang menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**1.2. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- a. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Pahang pada tahun 2021 adalah stabil berdasarkan Matriks Kedudukan Kewangan Tahun 2021.
- b. Kutipan hasil pada tahun 2021 meningkat sebanyak RM15.53 juta atau 1.8% menjadi RM865.99 juta. Bagaimanapun, perbelanjaan meningkat sebanyak RM251.73 juta atau 37.1% menjadi RM931.11 juta pada tahun 2021 berbanding RM679.38 juta pada tahun 2020.
- c. Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM5.86 juta. Lebihan pada tahun 2021 menurun sebanyak RM182.16 juta berbanding lebihan RM188.02 juta pada tahun 2020. Lebihan terkumpul Akaun Hasil Disatukan terus meningkat menjadi RM170.81 juta atau 3.6% berbanding RM164.95 juta pada tahun 2020.
- d. Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan berjumlah RM93.10 juta atau 24.7% menjadikan baki pada tahun 2021 berjumlah RM470.14 juta berbanding RM377.04 juta pada tahun 2020. Akaun Pinjaman Disatukan pada tahun 2020 dan 2021 berbaki sifar. Baki terkumpul

Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2021 berjumlah RM640.95 juta, iaitu meningkat sebanyak RM98.96 juta (18.3%) berbanding RM541.99 juta pada akhir tahun 2020.

- e. Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM3.40 juta (1.7%) daripada RM199.69 juta pada tahun 2020 kepada RM196.29 juta pada tahun 2021. Jumlah Hutang Awam meningkat sebanyak RM38.36 juta atau 1.2% menjadi RM3.108 bilion berbanding RM3.070 bilion pada tahun 2020. Pelaburan Kerajaan negeri pada akhir tahun 2021 berjumlah RM846.46 juta adalah sama seperti tahun 2020.

### **1.3. Penyerahan, Pengesahan dan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**

- a. Pengauditan penyata kewangan dilaksanakan terhadap 21 agensi negeri yang terdiri daripada 10 Badan Berkanun Negeri (BBN) dan 11 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
  - b. Kesemua 10 BBN dan 11 PBT telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 untuk diaudit dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 Jun 2022.
  - c. Setakat 31 Ogos 2022, hanya tujuh penyata kewangan agensi negeri telah disemak dan disahkan. Sebanyak tujuh penyata kewangan telah disahkan dengan Pendapat Tanpa Teguran iaitu Lembaga Pembangunan Tioman, Perbadanan Stadium Darul Makmur, Majlis Sukan Pahang, Perbadanan Kemajuan Cameron Highlands, Majlis Daerah Bera, Majlis Daerah Maran dan Majlis Daerah Raub. Bagaimanapun, enam penyata kewangan BBN dan lapan PBT bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 sedang dalam proses pengauditan dan belum disahkan.
  - d. Sebanyak 21 penyata kewangan tahun 2020 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Pahang pada 10 Disember 2021 dan 1 April 2022.
2. Secara keseluruhannya, sebanyak lima syor Audit yang diberikan oleh Ketua Audit Negara. Dua syor kepada Kerajaan Negeri Pahang dan tiga syor kepada agensi negeri.